

**Debat: Saya akan dedah hari ini, kata Khairy**  
**The Malaysian Insider**  
**09 September, 2011**  
**Oleh G Manimaran**

KUALA LUMPUR, 9 Sept — Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin mahu membuat satu pendedahan hari ini mengenai pelawaan menyertai debat menyentuh kontroversi berkaitan tragedi Bukit Kepong dan fakta sejarah kemerdekaan - yang sebelum ini dilaporkan diundang oleh kerajaan negeri Kelantan tetapi tidak menjadi 24 jam kemudian.

Justeru Khairy meminta peminat-peminatnya agar bertenang dalam isu tersebut.

"Saya (akan) dedah esok. Relaks," kata beliau dalam satu mesej Twitter malam tadi.

Khairy (gambar) menjawab soalan salah seorang pengikut akaun Twitturnya bahawa beliau tidak pernah dijemput untuk berdebat di Kelantan mengenai kontroversi semasa yang muncul ekoran kenyataan Timbalan Presiden PAS Mohamad Sabu mengenai tragedi Bukit Kepong pada satu ceramah di Pulau Pinang 21 Ogos lalu.

Beberapa jam sebelum itu, Ahli Parlimen Shah Alam Khalid Samad menyifatkan Khairy cuba meraih populariti apabila mendakwa telah menerima tawaran daripada kerajaan negeri Kelantan untuk berdebat dengan Mohamad berhubung tragedi Bukit Kepong.

Sebaliknya Khalid menegaskan, kerajaan negeri Kelantan tidak pernah menghantar sebarang surat rasmi kepada Khairy tetapi hanya satu e-mel yang bertanyakan sekiranya Ahli Parlimen Rembau itu bersedia untuk menyertai wacana di Kota Baru.

"Khairy Jamaluddin cuba mengambil kesempatan dalam isu Mat Sabu (Mohamad) ini, sebenarnya e-mel yang dihantar itu hanya bertanyakan sama ada beliau sanggup atau bersedia berdebat daripada Kelantan, dalam e-mel itu juga mengatakan seorang lagi panel berkemungkinan Mat Sabu.

"Tarikhnya pula ada penghujung September ini, 9 malam di Kota Baru, itu sahaja tetapi Khairy dah keluarkan kenyataan macam perkara ini sudah muktamad sedangkan Mat Sabu pun belum kata apa-apa," katanya.

Justeru jelas beliau, Khairy telah berbohong untuk mendapatkan publisiti dalam isu kenyataan kontroversi Mohamad.

"Ya, dia (Khairy) berbohong, kelentong... inilah talian hayat untuk dapatkan publisiti semata-mata untuk mengekalkan jawatan yang dipegangnya.

"Kita tahu dia dah tiada sokongan akar umbi, dia mahu tunjuk hebat sedangkan e-mel yang dihantar itu hanya bertanyakan pendapatnya sahaja," kata Khalid yang juga Timbalan Pesuruhjaya PAS Selangor.

Khairy sebelum ini berkata telah menerima jemputan untuk berdebat dengan Mohamad di Kelantan akhir bulan ini.

Difahamkan program itu akan berlangsung di Balai Islam, Kota Baru.

Namun, Mohamad menolak cabaran itu dan menyerahkan kepada Pemuda PAS untuk

berdebat dengan Khairy dan bersedia untuk berdebat dengan Timbalan Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/debat-saya-akan-dedah-hari-ini-kata-khairy/>